

22 JUL 2002

Mahathir-Kewangan

KERJAAAN URUS KEWANGAN NEGARA DENGAN BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Kerajaan telah dapat mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap sehingga tidak perlu meminjam wang dengan banyak dan berjaya melaksanakan projek-projek besar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak terikat dengan hutang yang terlalu besar sehingga terpaksa membelanjakan semua hasil bagi membayar pinjaman.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan telah berhutang secara sederhana dan kebanyakan pinjaman diperolehi dalam negara.

"Kalaupun kita pinjam dari luar negara, ia bukannya kerana kita tidak ada wang yang cukup tetapi kita pinjam untuk "benchmarking" bagi menentukan kedudukan "credit worthy" negara," katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan Perbendaharaan di Kompleks Pejabat Kerajaan di Jalan Duta di sini.

Ia merupakan perhimpunan terakhir Perbendaharaan di kompleks itu sebelum berpindah ke Putrajaya bulan depan.

Dr Mahathir berkata apabila negara hendak meminjam wang, ramai yang ingin memberinya, malahan menawarkan pinjaman jauh lebih banyak daripada yang diperlukan.

"Ini menunjukkan betapa kuatnya kewangan negara," katanya sambil menegaskan bahawa Malaysia harus meneruskan usaha untuk mentadbir ekonomi dan kewangannya dengan bijak.

Mengenai Belanjawan 2003 yang sedang disediakan Kementerian Kewangan, Dr Mahathir berkata belanjawan berkenaan akan menunjukkan kekuatan kewangan dan ekonomi negara.

"Saya yakin kita akan dapat mengurangkan defisit sedikit dan dengan itu rating kita akan meningkat," katanya.

Belanjawan negara akan dibentangkan di Parlimen pada 20 Sept ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan berani melaksanakan projek raksaksa pembinaan pusat pentadbiran kerajaan Putrajaya kerana ia adalah dalam kemampuan.

Mengenai perpindahan Kementerian Kewangan ke bangunan baru di Precint 2, Putrajaya, beliau berharap ia dapat mewujudkan persekitaran kerja yang lebih baik, selesa dan lengkap dengan kemudahan.

"Saya pun bersyukur juga kerana kerana kalau tidak didesak supaya terus memegang jawatan saya (sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan), mungkin saya tidak dapat lihat dan merasai pejabat baru Kementerian Kewangan, alhamdulillah," katanya.

Sambil mendoakan para kakitangan kementerian akan dapat bekerja dengan tenang dalam persekitaran yang indah, Dr Mahathir berharap perpindahan itu kekal bagi satu jangka waktu yang panjang dan bangunan baru itu dapat menampung kegunaan untuk tempoh 100 tahun.

Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan kementerian yang telah menjalankan tugas dengan baik dan cekap kerana hasil kerja keras itu, kedudukan kewangan kerajaan "begitu sihat" dan tidak ditekan oleh mana-mana pemberi pinjaman.

"Saya harap kita dapat meneruskan usaha mentadbir kewangan dan pengurusan belanjawan yang baik ini walaupun negara akan mempunyai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang baru," katanya.

Dr Mahathir telah mengumumkan bahawa beliau akan bersara mulai Oktober 2003 dan menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Sejumlah 1,400 kakitangan Perbendaharaan, kecuali Bahagian Pinjaman

Perumahan, akan berpindah ke Putrajaya 1 Ogos ini.

-- BERNAMA

HS AKT LAT